



Headline: Kerani wanita rugi RM488,000 diperdaya 'Macau Scam' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Date: 13 December 2019

Section: Tempatan

Page: 1

KERANI WANITA RUGI RM488,000 DIPERDAYA 'MACAU SCAM'

MIRI: Seorang kerani wanita di sini terpaksa tanggung kerugian lebih RM488,000 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan dalam talian atau lebih dikenali sebagai 'Macau Scam' semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata,

mangsa, 58, mula menerima panggilan telefon pada 17 November lalu daripada seseorang yang menyamar sebagai 'Sarjan Yap Chee Hong.'

"Suspek menuduh mangsa mempunyai dua kes mahkamah iaitu nombor telefon mangsa digunakan untuk penipuan dan akaun bank mangsa digunakan

untuk pengubahan wang haram.

"Untuk menyelesaikan kes itu, mangsa diminta memberikan ID pengguna dan kata laluan akaun banknya yang mana mangsa turuti," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Malangnya, mangsa hanya menyedari dirinya ditipu pada 11 Disember

apabila mendapati wang di dalam akaun banknya hanya berbaki lebih kurang RM2,000.

Mustafa berkata, suspek juga ada mengarahkan mangsa untuk tidak memberitahu sesiapa termasuk ahli keluarganya.

Justeru, Mustafa mengingatkan masyarakat agar tidak panik, takut

atau cemas sekiranya menerima panggilan telefon daripada sindiket terbabit, walau apapun tuduhan yang dilemparkan kepada penerima panggilan.

"Pihak polis atau pihak berkuasa yang menjalankan tugas rasmi tidak akan meminta anda memberikan ID pengguna dan kata laluan bank anda," tegas beliau.